



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

MAJLIS AMANAT DAN LAFAZ IKRAR PELAJAR BARU SARJANA MUDA SESI 2010/2011



SESI 2010/2011

OLEH :

**YAB. DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

5 JULAI 2010 / 23 REJAB 1431

“Gembira Bersama USIM”





ALUAN YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pelajar baru peringkat Sarjana Muda sesi 2010/2011 yang baru mendaftar di Universiti Sains Islam Malaysia.

Mahasiswa adalah bakal pemimpin masa depan negara. Sehubungan itu, semua pelajar yang mendaftarkan diri sebagai mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia perlu mempunyai keazaman tinggi untuk berjaya sebagai graduan yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah. Jangan sekali-kali membazirkan segala peluang yang diberikan, tetapi sebaliknya belajariah bersungguh-sungguh dengan penuh tekad dan rasa bertanggungjawab.

Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh menggariskan teras strategik keempat iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia. Melalui teras ini Kerajaan antara lain menekankan peningkatan kompetensi graduan di mana faktor kebolehpasaran graduan amat dititikberatkan. Justeru itu, USIM dan mahasiswanya perlu memastikan agenda yang telah digariskan oleh Kerajaan dapat direalisasikan sepenuhnya.

Harapan saya agar USIM terus cemerlang dan menjadi sebuah institusi yang unggul, disegani dan dihormati bukan sahaja kerana kredibiliti yang ada pada namanya, tetapi juga kemampuannya melahirkan graduan-graduan berkualiti yang sekaligus menjadi kebanggaan Malaysia dan seluruh dunia.

Wassalam.

DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus



ALUAN NAIB CANSelor

Assaumuallahum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi lafaz syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bersama-sama bertekad memartabatkan institusi pengajian tinggi ke tahap yang lebih tinggi.

Bagi pihak Pengurusan Universiti saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan kerana sudi melapangkan masa untuk menyampaikan amanat dan menerima lafaz ikrar daripada pelajar baru sempena Minggu Ta'aruf Sarjana Muda sesi 2010/2011. Kesediaan YAB Dato' Seri Utama untuk hadir adalah sangat tepat dan bersesuaian dengan peranan bersama dalam membangunkan modal insan bertaraf dunia.

USIM yang menjangkau usia sepuluh tahun pada tahun ini telah berkembang pesat baik dari aspek pembangunan fizikal mahupun pembangunan akademiknya. Kepelbagaian penawaran program pengajian berteraskan Islam telah mengaspirasikan kewujudan lapan buah fakulti. Sehingga kini USIM menawarkan lima program pengajian di peringkat Tamhidi (Matrikulasi), 24 program pengajian di peringkat Sarjana Muda, 15 program Sarjana, 11 program Doktor Falsafah dan empat program pengajian di peringkat Diploma Lulusan Ijazah.

Universiti juga telah menggariskan enam Bidang Keberhasilan Utama USIM (UISIMKRA) untuk menyokong dan menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. USIM akan terus berusaha dan bertekad untuk menempatkan diri sebagai salah sebuah universiti yang tersenarai dalam kelompok universiti terbaik dunia pada masa akan datang.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pelajar baru Sarjana Muda Sesi Akademik 2010/2011 kerana berjaya menempatkan diri untuk menimba ilmu di Universiti Sains Islam Malaysia. Gunakanlah masa secara optimum sepanjang tempoh pengajian di USIM bagi memastikan saudara/saudari menjadi pelajar yang cemerlang daripada semua aspek ukhrawi dan duniawi. Graduan USIM diharap bersifat menonjol dan berkarisma dengan idea holistik serta mempunyai jati diri yang kukuh di masa hadapan.

Salam hormat.

BERILMU • BERDISIPLIN • BERTAKWA

PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia



ATURCARA
MAJLIS AMANAT DAN LAFAZ IKRAR PELAJAR BARU SARJANA
MUDA SEMPERNA PROGRAM MINGGU TA'ARUF
SESI 2010/2011
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Tarikh : 5 Julai 2010 (Isnin)
Masa : 2.30 ptg – 4.30 ptg
Tempat : Stadium Tertutup Nilai,
Kampus Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan

- 2.30 petang - Ketibaan Pelajar
- 2.45 petang - Ketibaan Pegawai dan Kakitangan
- Ketibaan Pegawai Kanan Universiti dan Jemputan
- 2.50 petang - Ketibaan Naib Canselor USIM
- 3.00 petang - Ketibaan YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad b Haji Hassan
 Menteri Besar Negeri Sembilan

- Nyanyian Lagu Kebangsaan, Negeri Sembilan
 dan USIM Terus Maju
- Bacaan Doa
- Aluan Pengerusi Majlis
- Ucapan Aluan Naib Canselor
- Oleh : Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda

- Ucapan Amanat Menteri Besar Negeri Sembilan
- Oleh : YAB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hassan

- Lafaz Ikrar Pelajar Baru
- Penyampaian Cenderamata

- 4.30 petang - Minum petang
- Bersurai



PENGHARGAAN

Universiti Sains Islam Malaysia
Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih
Kepada

YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus

Lembaga Pengarah USIM


Ahli Pengurusan Universiti

Jawatankuasa Induk Minggu Ta'aruf

Jawatankuasa Pelaksana Minggu Ta'aruf

dan semua warga USIM yang terlibat dalam menjayakan Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar
Baru Sarjana Muda Sesi 2010/2011





Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai
Negeri Sembilan

Tel: 06-798 8000/6159 Fax: 06-798 6154/6155
www.usim.edu.my